

# Masa depan D-8 cerah – PM

UM ~~14~~ - 14/5/2006

**Sidang Kemuncak D-8 berakhir dengan Deklarasi Bali yang menggariskan 36 perkara yang dipersetujui bersama dan akan menjadi landasan tindakan kepada negara-negara anggota dalam mencapai matlamat penubuhan D-8.**

**BALI** 13 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan Sidang Kemuncak Lapan Negara Membangun (D-8) yang berakhir hari ini memperlihatkan masa depan cerah berikutan keinginan tinggi yang ditunjukkan oleh negara-negara anggota untuk memajukan kumpulan itu.

Menurut Perdana Menteri, jika sebelum ini D-8 dilihat sebagai tidak bermaya tetapi pada sidang kemuncak kali ini, perbincangan yang diadakan cukup rancak dan dalam suasana penuh persahabatan.

Katanya, banyak cadangan yang dikemukakan oleh negara anggota dijadikan program untuk dilaksanakan, termasuk usaha memperkukuhkan sekretariatnya dengan melantik kumpulan profesional bagi memastikan kelancaran program.

"Kita berharap apa yang dirancang itu akan dapat dilaksanakan," katanya kepada wartawan Malaysia di akhir sidang kemuncak D-8 yang diadakan di Nusa Dua, satu kawasan eksklusif pulau peranginan terkemuka Indonesia di sini hari ini.

Selain Malaysia, D-8 yang ditubuhkan pada tahun 1997 dianggotai oleh Indonesia, Iran, Pakistan, Mesir, Bangladesh, Turki dan Nigeria. Malaysia akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak keenam pada tahun 2008.

Mengenai program nuklear Iran, Perdana Menteri berkata, ia tidak dibincangkan dalam sidang kemuncak itu tetapi isu tersebut menjadi perkara utama dalam setiap pertemuan dua hala antara Presiden negara itu, Mahmoud Ahmadinejad dan semua pemimpin D-8 termasuk Malaysia.

Sementara itu, Sidang Kemuncak D-8 hari ini berakhir dengan Deklarasi Bali yang menggariskan 36 perkara yang dipersetujui bersama dan akan menjadi landasan tindakan kepada negara-negara anggota dalam mencapai matlamat penubuhan D-8.


Antara kandungan deklarasi itu ialah negara-negara anggota mahu Perjanjian Keutamaan Perdagangan dan Perjanjian Bantuan Pentadbiran Percukaian menjadi batu loncatan kepada nilai dagangan yang lebih besar antara negara anggota.

Negara anggota juga mahu strategi, dasar serta tindakan baru ditentukan dalam menangani cabaran ekonomi dunia hari ini.

Dokumen rasmi itu juga menyokong sepenuhnya Iran menjadi anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), menangani isu tenaga berikutan harga minyak yang tidak stabil dengan memperkenalkan sumber tenaga baru termasuk nuklear dan mengurangkan jurang digital antara negara membangun dan negara maju.

Ia turut menyentuh soal karikatur Nabi Muhammad s.a.w yang disiarkan oleh media Barat dengan menekankan kebebasan akhbar yang perlu disokong dengan sikap bertanggungjawab dan hormat kepada agama lain dan mengatasi masalah perbankan yang berkaitan dengan perdagangan yang dihadapi oleh sesetengah negara anggota.

Deklarasi Bali juga menetapkan 12 program yang perlu dilaksanakan oleh negara-negara anggota untuk dua tahun akan



**ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan Mahmoud Ahmadinejad selepas mengadakan pertemuan pada Sidang Kemuncak Kelima Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8) di Bali, Indonesia, semalam.**

datang dengan Malaysia diberi tanggungjawab mengendalikan mesyuarat kumpu-

lan kerja mengenai industri.

- Mingguan